



PEJABAT PERDANA MENTERI  
UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA

Aras 4, Setia Perkasa 5,  
Kompleks Setia Perkasa  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62502 Wilayah Persekutuan Putrajaya, Malaysia  
No. Tel: 03-8886 6221  
E-mel: infomitra.mitra.gov.my

---

**JPM.MITRA.100-9/1/1 (13)**

**KENYATAAN MEDIA  
PERMOHONAN PROGRAM MALAYSIA-CHINA YOUTH  
TVET TRAINING (MCYTT) 2024/25  
DIBUKA MULAI 5 DISEMBER 2024**

**PUTRAJAYA, 5 DISEMBER 2024** – Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) membuka permohonan Program *Malaysia-China Youth TVET Training (MCYTT)* bagi tahun 2024/25. Program ini berbentuk *boot camp* selama 2 minggu bertujuan memberikan kemahiran praktikal yang spesifik dan berkualiti serta membolehkan pelatih TVET merasai pengalaman penggunaan teknologi tinggi, menghayati budaya baru, memahami perspektif global dan membina rangkaian antarabangsa khususnya di China. Program ini akan dikendalikan dengan kerjasama Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (Belia Mahir).

Permohonan adalah berdasarkan kriteria berikut:

- i. pemohon Malaysia India berumur 18 hingga 25 tahun (tiada dalam senarai hitam Imigresen dan PDRM); dan
- ii. dalam tempoh pengajian SKM Tahap 2 hingga Ijazah Sarjana Muda seperti bidang ditawarkan (pelajar semester akhir pengajian).

Permohonan Program Malaysia-China Youth TVET Training (MCYTT) Tahun 2024/25 boleh dibuat melalui pautan <https://forms.gle/tmSGtUc7aYocvdt69> untuk bidang-bidang seperti berikut:

- i. *Automotive (Electric Vehicle);*
- ii. *Artificial Intelligent (AI);*
- iii. *Digital Marketing;*
- iv. *E-Commerce;*
- v. *Industrial Automation;*
- vi. *Mekatronik;*
- vii. *Robotik;*
- viii. *Electronic;*
- ix. *Semiconductor;*
- x. *Big Data;*
- xi. *UAV Application (Dron); dan*
- xii. *Tourism*

Permohonan akan dibuka pada **5 Disember 2024 (Khamis) hingga 5 Januari 2025 (Ahad)**. Permohonan hendaklah dihantar melalui *Google Form* sebelum atau selewat-lewatnya mengikut ketetapan tempoh masa seperti di atas. Seramai 500 calon yang memenuhi syarat kelayakan akan dimaklumkan untuk menyertai program ini berdasarkan *first come, first served*.

Sebarang pertanyaan berkenaan permohonan Program *Malaysia-China Youth TVET Training (MCYTT)* Tahun 2024/25 boleh menghubungi MITRA di talian 03-88866196/03-88866197 bermula jam 8.30 pagi sehingga 5.30 petang pada hari bekerja atau emel kepada [sek@mitra.gov.my](mailto:sek@mitra.gov.my).

**-TAMAT-**

**UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA  
PEJABAT PERDANA MENTERI  
5 DISEMBER 2024**